

Tahap Tekanan Keibubapaan dalam Kalangan Ibu di Malaysia (Level of Parenting Stress Among Mothers In Malaysia)

Tee Yih Chiann & Suziyani Mohamed

ABSTRAK

Golongan ibu sering menghadapi tekanan yang lebih tinggi berbanding golongan bapa kerana mereka dilihat sebagai orang yang sepatutnya memikul tanggungjawab yang lebih berat dalam hal-hal berkaitan dengan anak. Maka, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap tekanan keibubapaan dalam kalangan ibu di Malaysia. Kajian ini juga menentukan perbezaan tahap tekanan keibubapaan ibu berdasarkan faktor demografi ibu, iaitu tahap pendidikan dan pendapatan ibu. Kajian ini dijalankan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dengan pendekatan kuantitatif. Teknik persampelan rawak mudah telah digunakan dalam pemilihan sampel dan seramai 535 orang ibu yang mempunyai anak berumur dua hingga lapan tahun di seluruh Malaysia terlibat dalam kajian ini. Soal selidik Parental Stress Scale telah digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan tahap tekanan keibubapaan. Platform Google Form telah digunakan dalam proses pengumpulan data kajian. Dimana, pautan Google Form telah diedarkan kepada ibu bapa melalui Whatsapp, Telegram, Messenger dan Facebook. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS). Dapatan kajian menunjukkan tahap tekanan keibubapaan ibu di Malaysia adalah rendah. Dapatan kajian juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara tahap tekanan keibubapaan ibu berdasarkan tahap pendidikan dan pendapatan ibu. Dapatan ini dapat memberi pemahaman yang lebih mendalam kepada para ibu mengenai tekanan keibubapaan agar ibu dapat menguruskan tekanan keibubapaan secara lebih berkesan. Kajian ini juga dapat memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa kerjasama antara ibu dan bapa adalah sangat penting dalam membesarkan anak. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan agar dapat melibatkan sampel kajian secara lebih menyeluruh dan meluas dari segi latar belakang, lokasi, bangsa dan tahap pendidikan. Selain itu, dicadangkan agar analisis perbandingan tahap tekanan keibubapaan antara ibu dan bapa serta faktor-faktor yang mempengaruhinya dijalankan.

Kata Kunci: tahap tekanan; keibubapaan; ibu; anak,

ABSTRACT

Mothers often face higher levels of stress compared to fathers because they are perceived as bearing greater responsibility in matters related to children. Therefore, this study was conducted to identify the level of parental stress among mothers in Malaysia. It also aims to determine the differences in mothers' levels of parental stress based on demographic factors, such as educational level and income. This study was conducted using a survey design with a quantitative approach. A simple random sampling technique was employed to select the sample, and a total of 535 mothers with children aged two to eight years from across Malaysia participated in this study. The Parental Stress Scale questionnaire was used to gather information about the level of parental stress. Google Forms was utilized for data collection, with the link distributed to parents through WhatsApp, Telegram, Messenger, and Facebook. The data collected was analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) software. The findings of the study indicate that the level of parental stress among mothers in Malaysia is low. The study also shows no significant differences in the level of parental stress among mothers based on their educational level and income. These findings provide a deeper understanding for mothers regarding parental stress, enabling them to manage it more effectively. The study also raises awareness among the public about the importance of cooperation between mothers and fathers in raising children. Therefore, further studies are recommended to include a more comprehensive and extensive sample in terms of background, location, ethnicity, and educational level. Additionally, it is suggested that a comparative analysis of parental stress levels between mothers and fathers, along with the factors influencing them, be conducted.

Keywords: parental stress level; mother; children

PENGENALAN

Sejajar dengan perubahan zaman, peranan ibu juga telah berubah. Kini, ibu bukan sahaja berperanan sebagai pengasuh utama anak di rumah, malah juga mula menampilkan diri ke sektor pekerjaan. Di Malaysia, walaupun terdapat peningkatan bilangan wanita yang menyertai sektor pekerjaan, tetapi kadar penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan masih lebih rendah jika berbanding dengan golongan lelaki. Pada tahun 2018, kadar penyertaan tenaga buruh wanita ialah 55.2 peratus, dan kadar penyertaan lelaki pula ialah 80.4 peratus, sedangkan peratus wanita yang mengikuti institusi pengajian tinggi adalah lebih tinggi daripada lelaki (Wan Azizah 2019). Dapat dilihat bahawa jumlah wanita yang mengambil bahagian dalam sektor pekerjaan adalah tidak sepadan dengan jumlah wanita yang melanjutkan pelajaran ke peringkat institusi pengajian tinggi. Hal ini bermaksud ramai wanita tidak memilih untuk bekerja walaupun berpendidikan tinggi. Selain itu, jika dibandingkan dengan beberapa negara jiran seperti Singapura, Thailand, Indonesia dan Filipina, jumlah wanita yang melibatkan diri dalam pasaran buruh di negara kita juga adalah lebih rendah (Lu, Luo, Cooper & Cary 2015).

Sehubungan dengan itu, faktor wanita di Malaysia tidak melibatkan diri dalam sektor pekerjaan telah dikaji oleh pelbagai kajian lepas. Kajian mendapati sebanyak 49.0 peratus wanita yang berpendidikan tinggi tidak memasuki pasaran buruh kerana mereka berasa tertekan dengan pelbagai tanggungjawab serta memerlukan tumpuan dan tenaga sepenuh masa untuk melakukan tugas rumah tangga (Norsiah 2010). Selain itu, menurut Noor Rahamah (2012), menyeimbangkan tanggungjawab keluarga dan kerjaya menjadi satu cabaran bagi golongan wanita sehingga ramai wanita di Malaysia terpaksa berhenti kerja. Doris dan Kaw (2011) juga mendapati wanita yang sudah berkahwin lebih cenderung untuk memilih waktu kerja yang lebih fleksibel agar mereka mempunyai lebih banyak masa untuk tugas rumah tangga seperti memasak dan menjaga anak.

Dasar Wanita Negara 2009 telah menetapkan matlamat “meningkatkan dan mengukuhkan perkongsian adil dan saksama antara wanita dengan lelaki dalam semua aspek kehidupan bagi memantapkan institusi keluarga serta membangunkan komuniti dan masyarakat” (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2014). Matlamat ini adalah untuk mewujudkan persekitaran yang lebih baik bagi wanita dan meningkatkan penyertaan wanita sepenuhnya dalam semua aspek kehidupan. Tujuannya juga adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat bahawa wanita bukan hanya berperanan sebagai suri rumah tetapi juga berkemampuan tinggi untuk mengambil bahagian dalam pelbagai bidang pekerjaan. Di samping itu, di peringkat antarabangsa, kerajaan Malaysia juga telah

mengambil bahagian dalam Pelan Tindakan Beijing 1995, Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), serta beberapa siri Konvensyen Wanita Antarabangsa untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pentingnya peranan wanita dalam sektor pekerjaan (United Nations 2016). Usaha ini telah banyak memberi sokongan dan dorongan kepada golongan wanita untuk mencapai keseimbangan antara kehidupan dan kerjaya mereka.

Sesungguhnya, ibu dan bapa ialah orang yang paling penting dan paling dekat dengan anak, jadi kedua-dua pihak memikul tanggungjawab yang sama penting dalam mewujudkan keluarga yang sejahtera, harmoni dan sihat bagi anak (Bandura 1997; Bronfenbrenner & Evans 2006). Perkara ke-18 dalam Konvensyen Hak Kanak-Kanak Malaysia tahun 1995 juga telah menyatakan kanak-kanak mempunyai hak untuk dibesarkan bersama oleh ibu dan bapa mereka. Tambahan pula, seiring dengan perubahan zaman, para ibu telah mula menampilkan diri ke dalam sektor pekerjaan dan bukan lagi hanya berperanan dalam hal rumah tangga. Maka, ibu dan bapa seharusnya bekerjasama membesarkan anak tanpa menekankan mana-mana pihak. Oleh itu, persepsi masyarakat mengenai ibu harus memainkan peranan utama dalam kerja-kerja menukar lampin, menyusukan bayi, membimbing anak dalam pelajaran dan sebagainya harus diubah dengan perkembangan zaman.

Namun, di Malaysia, hanya terdapat beberapa kajian yang menumpukan topik mengenai tekanan keibubapaan ibu. Kebanyakan kajian yang dijalankan adalah berkaitan dengan tekanan keibubapaan bagi kedua-dua ibu dan bapa tanpa memberi tumpuan kepada golongan ibu. Misalnya, kajian Norizan dan Shamsuddin (2010) mendalami punca-punca utama tekanan keibubapaan dalam kalangan ibu bapa. Selain itu, terdapat juga kajian yang mengkaji tekanan keibubapaan ibu bagi kanak-kanak istimewa atau kanak-kanak yang menghidapi penyakit tertentu, iaitu kajian Mazlina et al. (2017) yang mengenal pasti tahap tekanan keibubapaan ibu bapa bagi kanak-kanak yang menghidapi talasemia. Manakala kajian Lee et al. (2017) pula mengenal pasti tahap tekanan keibubapaan ibu bapa bagi kanak-kanak autisme di Muar dan Segamat.

Di samping itu, terdapat juga kajian lepas yang mendalami tahap tekanan keibubapaan dalam kalangan ibu tetapi dalam konteks yang berbeza. Misalnya, kajian di Johor mengenal pasti perbandingan tekanan keibubapaan ibu antara ibu bekerja dengan ibu suri rumah tangga (Yeo & Teo 2013). Manakala kajian keibubapaan ibu dalam kalangan ibu tunggal yang berumur 18 hingga 66 tahun telah dilaksanakan oleh Intan, Azman dan Noraida (2015). Kajian Yeo dan Lu (2012) pula telah membuat perbandingan antara tekanan keibubapaan ibu bagi kanak-kanak autisme

dalam negara, iaitu di Johor Bharu dan juga luar negara, iaitu di Hangzhou, China.

Oleh itu, dapat dilihat bahawa masih belum ada kajian yang menumpukan fokus kepada tekanan keibubapaan ibu yang mempunyai anak berusia dua hingga lapan tahun di seluruh negara. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap tekanan keibubapaan ibu yang memiliki anak dalam lingkungan umur dua hingga lapan tahun tanpa mengira kanak-kanak istimewa atau kanak-kanak tipikal di seluruh Malaysia. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti perbezaan tahap tekanan keibubapaan berdasarkan faktor demografi ibu, iaitu tahap pendidikan ibu dan pendapatan ibu bagi memenuhi jurang kajian. Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui tahap tekanan keibubapaan dalam kalangan ibu.
2. Mengetahui perbezaan tahap tekanan keibubapaan berdasarkan tahap pendidikan ibu.
3. Mengetahui perbezaan tahap tekanan keibubapaan berdasarkan pendapatan ibu.

TEKANAN KEIBUBAPAAN IBU DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

Bagi ibu bapa, membesarkan anak ialah satu perkara yang menggembirakan tetapi juga memberi tekanan. Kajian menunjukkan berbanding dengan orang yang tidak mempunyai anak, orang yang mempunyai anak menunjukkan tekanan yang lebih tinggi (Roskam, Raes & Mikolajczak 2017). Selain itu, kajian juga menunjukkan hampir semua ibu bapa menghadapi tekanan keibubapaan, termasuk golongan ibu bapa yang berpendapatan tinggi atau berpendidikan tinggi (Deater-Deckard, Chen & Mallah 2013). Sesungguhnya, perkembangan kanak-kanak dapat dipengaruhi secara negatif sekiranya tekanan ibu bapa adalah tinggi (Ha & Granger 2016; Luuie, Cromer & Berry 2017). Hal ini demikian kerana ibu bapa yang mempunyai tekanan keibubapaan yang tinggi lebih cenderung untuk mengamalkan gaya keibubapaan yang lebih keras dan tidak berkesan (McQuillan & Bates 2017). Gaya keibubapaan yang terlalu keras akan mencetuskan masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak dan hal ini seterusnya akan meningkatkan lagi tekanan keibubapaan ibu bapa.

Berbanding dengan bapa, para ibu sering menghadapi tekanan keibubapaan yang lebih tinggi (Musick, Meier & Flood 2016). Hal ini demikian kerana ibu dilihat sebagai penjaga atau pengasuh utama bagi anak (Edhborg, Carlberg, Simon & Lindberg 2015). Tidak dapat dinafikan bahawa sehingga kini, tanggapan mengenai tanggungjawab pengasuhan anak perlu dipikul oleh para ibu manakala bapa

pula hanya memikul tanggungjawab sebagai pencari nafkah masih terdapat dalam kalangan sesetengah masyarakat (Killing-Bunga, Kiling & Thoomaszen 2016). Masyarakat bertanggapan bahawa seseorang ibu perlu menetapkan tanggungjawab keibuan sebagai matlamat utama dalam kehidupan, di mana ibu perlu mengorbankan masa dan tenaga mereka secara sepenuhnya dalam menjaga anak serta mengutamakan segala keperluan anak lebih daripada keperluan sendiri (Newman & Henderson 2014). Menurut Park, Banchevsky dan Reynolds. (2015), berbanding dengan bapa, ibu juga dianggap sebagai golongan yang lebih tekun dan tabah dalam hal-hal berkaitan dengan anak. Tambahan pula, kajian Park et al. (2015) juga mendapati perbezaan antara golongan wanita yang mempunyai anak dan golongan wanita tanpa anak adalah ketara, berbanding dengan perbezaan antara golongan lelaki yang memiliki anak dan golongan lelaki tanpa anak.

Seterusnya, ibu yang bekerja akan dilihat oleh masyarakat sebagai “ibu yang tidak baik” atau “isteri yang tidak boleh diharapkan” sekiranya mereka tidak menggunakan cuti bersalin secara sepenuhnya (Morgenroth & Heilman 2017). Di samping itu, kebanyakan kajian masih memberi tumpuan kepada ibu sahaja apabila mengkaji topik tentang pengasuhan dan penjagaan kanak-kanak walaupun kebanyakan negara mula mementingkan kesaksamaan jantina (Kerstis, Nohlert, Öhrvik & Widarsson 2016). Golongan ibu telah didesak agar sentiasa berusaha untuk memenuhi permintaan dan tanggapan masyarakat bagi menjadi ibu yang sempurna. Rasa bersalah sering timbul dalam kalangan ibu sekiranya mereka tidak dapat melakukan sesuatu untuk anak secara sempurna dan hal ini telah menyebabkan penurunan efikasi sendiri dalam kalangan ibu. Penurunan efikasi sendiri ini turut menyebabkan peningkatan tekanan keibubapaan dalam kalangan ibu (Borelli, Nelson, River, Birken & Moss-Racusin 2017).

Seiring dengan keadaan di luar negara, masyarakat Malaysia juga memegang stereotaip bahawa ibu harus memikul semua tugas dan tanggungjawab rumah tangga (Lu et al. 2015). Ketidakadilan ini juga dapat dilihat dalam sektor pekerjaan, di mana kelayakan golongan ibu dalam kenaikan pangkat sering diperagui kerana mereka dianggap sepatutnya memberi keutamaan kepada keluarga mereka (Azizan Zainuddin, Kartini Khalid & Aboo Talib 2018). Sebaliknya, golongan bapa pula dianggap memainkan peranan yang kurang penting dalam hal-hal rumah tangga malah mereka perlu menumpukan perhatian dalam kerjaya mereka. Oleh itu, pandangan masyarakat telah menyebabkan ibu mengalami tekanan keibubapaan yang tinggi terutamanya bagi ibu yang harus memikul tugas dalam kerjaya dan juga hal rumah tangga. Walau bagaimanapun, menurut Yeo dan Teo (2013), tiada perbezaan dari segi tekanan keibubapaan antara ibu suri rumah tangga dan ibu yang bekerja di Johor

Bharu. Hal ini demikian kerana datuk dan nenek lazimnya membantu ibu yang bekerja untuk menjaga anak kecil bagi menurunkan beban keibubapaan mereka.

Walaupun terdapat pelbagai kajian yang telah membuktikan ibu mengalami tekanan keibubapaan yang lebih tinggi, namun terdapat kajian yang mendapati tiada perbezaan tekanan keibubapaan antara golongan ibu dan bapa. Hal ini demikian kerana dalam sesetengah keluarga, para ibu dan bapa kini memikul kerja rumah tangga secara sama rata (Kerstis et al. 2016). Dapatan ini adalah selari dengan dapatan Williams, Berdahl dan Vandello (2016) yang mendapati oleh sebab golongan ibu kini mula berkongsi peranan yang sama dengan bapa, iaitu bekerja di luar, maka golongan bapa dinilai berdasarkan standard yang lebih tinggi. Maka, bapa juga turut menghadapi tekanan keibubapaan yang sama tinggi dengan ibu. Namun, kajian Nieuwesteeg, Hartman, Emons, van Bakel, Aanstoot, van Mil dan Pouwer (2017) pula mendapati bapa ialah orang yang mempunyai tekanan keibubapaan yang lebih tinggi daripada ibu dalam membesarkan anak yang menghidap penyakit diabetes. Kajian Nadeem, Choudhary, Parveen dan Javaid (2016) juga mendapati bapa merupakan orang yang mengalami tekanan keibubapaan yang lebih tinggi bagi kanak-kanak istimewa kerana mereka mengalami kekangan masa dan perlu bertanggungjawab atas masalah kewangan keluarga.

Sesungguhnya, tekanan keibubapaan yang tinggi boleh memberi impak negatif kepada golongan ibu. Menurut Sparks, Hunter, Backman, Morgan dan Ross (2012), kepuasan terhadap kehidupan akan berkurangan sehingga menyebabkan kemurungan dalam kalangan ibu sekiranya ibu menghadapi tekanan keibubapaan yang tinggi. Hal ini demikian tekanan keibubapaan boleh menyebabkan rasa bersalah yang sangat besar dalam kalangan ibu (Borelli et al. 2017). Menurut Schytt dan Hildingsson (2011) pula, ibu yang mempunyai tekanan keibubapaan yang tinggi lebih cenderung untuk menghadapi masalah kesihatan. Dapatan-dapatan ini selari dengan kajian Rabiah, Wan Shahrazad dan Suzana Hoesni (2013) di Malaysia yang membuktikan tekanan keibubapaan yang tinggi boleh memberi impak negatif kepada ibu. Menurut Rabiah et al. (2013), semakin tinggi tekanan keibubapaan yang dialami oleh seseorang ibu, semakin tinggi risiko mereka untuk mengalami kemurungan selepas bersalin.

Tekanan keibubapaan ibu yang tinggi bukan sahaja mempengaruhi diri sendiri, malah juga memberi impak negatif kepada pasangan dan juga anak mereka. Hal ini dibuktikan dalam kajian Kerstis et al. (2016), iaitu ibu yang menghadapi tekanan keibubapaan yang tinggi boleh menyebabkan pasangannya berasa tertekan sehingga berlaku konflik keluarga. Konflik yang berlaku boleh

merobohkan kesejahteraan sesuatu keluarga (Shawler & Sullivan 2017; Sparks et al. 2012). Seterusnya, kesan negatif bagi kanak-kanak akibat tekanan keibubapaan ibu ialah kes penderaan atau penganiayaan kanak-kanak mudah berlaku kerana kegagalan pembentukan hubungan yang rapat antara ibu dengan anak (Sparks et al. 2012). Hal ini demikian kerana tekanan keibubapaan yang tinggi boleh menyebabkan ibu mencetuskan pelbagai perasaan negatif terhadap anak (Deater-Deckard et al. 2016). Oleh itu, tekanan keibubapaan yang tinggi dalam kalangan ibu boleh mempengaruhi perkembangan kanak-kanak dari segi psikologi, sosial dan tingkah laku secara negatif. Kesan-kesan negatif ini boleh wujud secara berjangka panjang sehingga mempengaruhi masa depan kanak-kanak (Aizer, Stroud & Buka 2016). Selain itu, tekanan keibubapaan yang tinggi dalam kalangan ibu yang baru bersalin boleh menyebabkan masalah tingkah laku kanak-kanak pada masa depan. Kanak-kanak tersebut juga akan menghadapi masalah dalam pembentukan hubungan yang rapat dengan orang lain (Tharner, Luijk, van Ijzendoorn, Bakermans-Kranenburg, Jaddoe, Hofman, Verhulst & Tiemeier 2012).

Faktor demografi merupakan faktor yang boleh mempengaruhi tahap tekanan keibubapaan ibu. Kajian menunjukkan tahap pendidikan ibu merupakan faktor yang boleh mempengaruhi tahap tekanan keibubapaan ibu. Plaza, Sevilla, Rico dan Murillo (2017) menyatakan ibu yang berpendidikan tinggi lazimnya mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang lebih tinggi dalam menguruskan, mendidik dan membesarkan anak jika dibandingkan dengan ibu yang berpendidikan rendah. Oleh itu, ibu yang berpendidikan tinggi menghadapi tekanan keibubapaan yang lebih rendah. Hasil kajian ini hampir selari dengan dapatan kajian Dian Yunita, Diah Krisnatuti dan Lilik Noor Yuliaty (2015) yang membuktikan tahap tekanan keibubapaan ibu yang tinggi bukan sahaja adalah berkait rapat dengan tahap pendidikan yang rendah dalam kalangan ibu, malah juga mempunyai hubungan dengan tahap pendidikan bapa yang rendah. Walau bagaimanapun, terdapat kajian yang menyatakan tiada perbezaan yang signifikan antara tahap tekanan keibubapaan berdasarkan tahap pendidikan ibu (Tamo 2020).

Seterusnya, faktor demografi yang boleh mempengaruhi tekanan keibubapaan ibu ialah pendapatan ibu. Kajian Dian Yunita et al. (2015) telah membuktikan pendapatan keluarga yang rendah boleh meningkatkan tekanan keibubapaan ibu. Menurut Tamo (2020), ibu yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah mengalami tekanan keibubapaan yang lebih tinggi, terutamanya bagi keluarga yang kehilangan pendapatan akibat pengaruh pandemik Covid-19. Dapatan ini juga selari dengan dapatan Zhang, Eamon dan Zhan (2015) yang menyatakan masalah ekonomi

boleh menjadi faktor kepada tekanan keibubapaan yang tinggi dalam kalangan ibu Amerika Afrika.

Menurut Harmon dan Perry (2011) pula, bangsa ibu juga boleh memberi kesan kepada tekanan keibubapaan ibu. Hal ini berlaku di negara-negara Barat, di mana ibu berkulit putih menghadapi tekanan keibubapaan yang lebih rendah berbanding dengan mereka bukan berkulit putih. Ibu bukan berkulit putih perlu menghadapi pelbagai cabaran dalam melindungi anak mereka daripada isu rasisme dan diskriminasi sehingga berasa tertekan. Selain itu, berbanding dengan ibu tempatan, ibu yang berasal dari negara asing boleh menghadapi tekanan keibubapaan yang lebih tinggi kerana kekurangan sumber dan sokongan daripada keluarga. Contohnya, ibu tinggal di Amerika yang berasal dari negara asing seperti Vietnam dan Korea mempunyai tekanan keibubapaan yang lebih tinggi daripada ibu Amerika (Harmon & Perry 2011). Selain itu, warganegara ibu juga memberi impak kepada tekanan keibubapaan ibu. Kajian mendapati berbanding dengan ibu Vietnam dan Korea, ibu Filipina turut mempunyai tekanan keibubapaan yang lebih tinggi kerana status sosioekonomi mereka yang lebih rendah serta kekurangan sokongan sosial (Eo & Kim 2017).

Di samping itu, usia ibu juga boleh menjadi faktor yang memberi impak kepada tahap tekanan keibubapaan ibu (Xu, Wang, Ahn & Harrington 2018). Ibu yang lebih berusia mempunyai tekanan keibubapaan yang lebih rendah berbanding dengan ibu yang lebih muda. Hal ini demikian kerana mereka mempunyai kemampuan yang lebih tinggi untuk menyesuaikan diri dalam proses peralihan kepada watak ibu. Namun, kajian Tamo (2020) pula mendapati usia ibu bukan faktor yang signifikan dalam mempengaruhi tekanan keibubapaan ibu. Tambahan pula, status perkahwinan ibu juga boleh menjadi faktor kepada tekanan keibubapaan ibu, di mana ibu tunggal lazimnya perlu bergantung kepada nenek dalam hal-hal berkaitan dengan penjagaan anak, maka hal ini sedikit-sebanyak boleh memberi tekanan keibubapaan kepada ibu (Parkes, Sweeting & Wight 2013). Seterusnya, kajian di Malaysia pula mendapati faktor demografi seperti agama ibu juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan tekanan keibubapaan ibu (Norizan & Shamsuddin 2010).

Selain faktor demografi ibu, pelbagai kajian lepas juga telah membuktikan faktor lain yang boleh mempengaruhi tekanan keibubapaan dalam kalangan ibu. Antaranya ialah personaliti kanak-kanak (Xu et al. 2018), hubungan yang kurang rapat antara bayi dan ibu (Mazzeschi, Pazzagli, Radi, Raspa & Buratta 2015), kekurangan sokongan sosial daripada komuniti (Nam, Wikoff & Sherraden 2015) dan masalah tingkah laku kanak-kanak (Miranda, Mira, Berenguer, Rosello & Baixauli 2019). Selain itu, bilangan anak juga dibuktikan dapat memberi impak kepada tekanan

keibubapaan ibu. Kajian Yeo dan Teo (2013) mendapati tekanan keibubapaan yang dihadapi oleh seorang ibu yang mempunyai satu hingga tiga orang anak adalah lebih rendah daripada ibu yang mempunyai anak lebih daripada tiga orang anak. Usia anak juga boleh menjadi faktor yang mempengaruhi tekanan keibubapaan ibu, di mana tekanan keibubapaan ibu semakin meningkat apabila anak berusia satu hingga tiga tahun dan seterusnya semakin menurun apabila anak berusia tiga hingga lima tahun (Berryhill & Durtschi 2017).

Akhir sekali, berbanding dengan ibu kepada kanak-kanak tipikal, ibu bagi kanak-kanak dengan masalah pembelajaran seperti sindrom Down, autisme, hiperaktif, kecacatan intelektual dan *celebral palsy* akan mempunyai tekanan ibu bapa yang lebih tinggi (Miranda et al. 2019; Barroso, Mendez, Graziano & Bagner 2018; Craig, Operto, De Giacomo, Margari, Frolli & Conson 2016). Kajian Norizan & Shamsuddin (2010) di Malaysia pula mendapati ibu kepada kanak-kanak autisme dan ADHD mengalami tekanan yang paling tinggi antara semua jenis masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak.

METODOLOGI KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan persepsi ibu terhadap tahap tekanan keibubapaan mereka di seluruh Malaysia. Maka reka bentuk kajian tinjauan digunakan untuk menjawab persoalan kajian ini. Menurut Ary, Jacobs dan Sorensen (2010), kajian tinjauan digunakan untuk mendapatkan kepercayaan, pendapat, dan persepsi sekelompok besar orang mengenai suatu topik secara tepat.

Dalam kajian ini, populasi kajian merupakan ibu yang mempunyai anak berumur antara dua hingga lapan tahun di seluruh Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah untuk mendapatkan sampel untuk penyelidikan. Kaedah persampelan rawak mudah telah digunakan untuk mendapatkan sampel bagi kajian ini. Menurut Cohen, Manion, dan Morrison (2001), dengan menentukan ralat persampelan (*margin of error*) pada 5% dan aras kebolehppercayaan (*confidence level*) pada 95%, jika saiz bagi sesuatu populasi adalah 1,000,000 orang, maka jumlah sampel perlu melebihi 384 orang. Dalam kajian ini, populasi ibu yang mempunyai anak berusia dua hingga lapan tahun di Malaysia dianggarkan melebihi 1,000,000, maka sekurang-kurangnya 384 orang sampel diperlukan. Oleh itu, untuk memenuhi tujuan penyelidikan, sejumlah 535 orang sampel telah diambil dalam kajian ini. Jadual menunjukkan maklumat demografi sampel kajian berdasarkan umur, bangsa, tahap pendidikan dan pendapatan bulanan. Jadual 1 menunjukkan maklumat demografi responden kajian.

Jadual 1 Maklumat Demografi Responden

No.	Item	Bilangan (n)	Peratus (%)
1.	Umur		
	21 hingga 30 tahun	25	4.7%
	31 hingga 40 tahun	378	70.8%
	41 hingga 50 tahun	125	23.4%
	51 tahun dan ke atas	6	1.1%
2.	Bangsa		
	Melayu	56	10.5%
	Cina	448	83.9%
	India	16	3.0%
	Lain-lain	14	2.6%
3.	Tahap Pendidikan		
	Sekolah Menengah atau ke bawah	71	13.3%
	Diploma/ STPM	80	15.0%
	Ijazah Sarjana Muda	341	63.7%
	Ijazah Sarjana atau ke atas	43	8.1%
4.	Pendapatan Bulan		
	RM 3000 atau ke bawah	120	23.5%
	RM 3001 hingga RM 5000	203	39.8%
	RM 5001 atau ke atas	187	36.7%

INSTRUMEN KAJIAN

Satu set soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian telah diedarkan kepada sampel kajian, Bahagian A mengandungi 8 soalan yang perlu dilengkapi oleh sampel kajian bagi mendapatkan data demografi dari segi umur, bangsa, tahap pendidikan dan pendapatan. Manakala bahagian B pula ialah *Parental Stress Scale* (PSS) versi pendek yang mengandungi 18 item bagi menjawab persoalan tahap tekanan keibubapaan ibu. PSS dibangunkan oleh Berry dan Jones (1995). Skala Likert empat mata digunakan bagi memudahkan sampel untuk menyatakan tahap persetujuan

terhadap setiap kenyataan berdasarkan pendapat dan fikiran mereka sendiri (1 = sangat tidak setuju; 2 = tidak setuju; 3 = setuju; 4 = sangat setuju). Dalam PSS, terdapat dua konstruk utama yang menerangkan tekanan keibubapaan, iaitu konstruk stres keibubapaan dan konstruk kepuasan keibubapaan (Nielsen, Pontoppidan & Rayce 2020; de Brito & Faro 2017; Oronoz, Alonso-Arbiol & Balluerkaal 2007; Pontoppidan, Nielsen & Kristensen 2018). Terdapat 10 item negatif dalam PSS, di mana item-item ini dikategorikan dalam konstruk stres keibubapaan. Manakala terdapat lapan item positif yang dikategorikan dalam konstruk kepuasan keibubapaan. Jadual 2 menunjukkan item PSS berdasarkan konstruk.

Jadual 2 Item PSS berdasarkan konstruk

Konstruk PSS	Bilangan item	Nombor item
Stres keibubapaan	10	3, 4, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15 & 16
Kepuasan keibubapaan	8	1, 2, 5, 6, 7, 8, 17 & 18

Sebelum menjalankan kajian sebenar, kajian rintis telah dijalankan untuk memastikan kebolehpercayaan bagi instrumen kajian. Kajian rintis melibatkan 30 orang ibu yang mempunyai anak berumur dua hingga lapan tahun. Perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) telah digunakan untuk menganalisis hasil data kajian rintis bagi mengenal pasti nilai *Cronbach Alpha*. Jadual Lavrakas (2008) telah digunakan sebagai panduan dalam mengenal

pasti kebolehpercayaan setiap item PSS. Menurut Lavrakas (2008), sekiranya nilai *Cronbach Alpha* bagi sesuatu item melebihi 0.69, maka tahap kebolehpercayaan bagi item tersebut adalah memuaskan dan boleh diterima. Secara keseluruhannya, nilai *Cronbach Alpha* bagi instrumen PSS ialah 0.089, iaitu mempunyai tahap kebolehpercayaan yang baik. Seterusnya, nilai *Cronbach Alpha* bagi konstruk stres keibubapaan adalah sebanyak 0.896, iaitu mempunyai tahap

kebolehpercayaan yang baik. Manakala bagi konstruk kepuasan keibubapaan pula ialah 0.792, iaitu mempunyai tahap kebolehpercayaan yang boleh diterima. Maka,

kesemua item daripada instrumen PSS telah digunakan dalam kajian ini. Jadual 3 menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* dan tahap kebolehpercayaan bagi PSS.

Jadual 3 Nilai *Cronbach Alpha* dan tahap kebolehpercayaan PSS

Konstruk PSS	Nilai <i>Cronbach Alpha</i>	Tahap kebolehpercayaan
Stres keibubapaan	0.896	Baik
Kepuasan keibubapaan	0.792	Boleh diterima
Keseluruhan	0.089	Baik

PROSEDUR PENGUMPULAN DAN ANALISIS DATA

Soal selidik berbentuk *Google Form* diedarkan melalui media sosial seperti *Whatsapp*, *Facebook*, *Messenger* dan *Telegram* kepada sampel kajian untuk mendapatkan data demografi sampel dan juga tahap tekanan keibubapaan ibu. Tempoh pengumpulan data adalah selama sebulan. Dalam kajian ini, *Statistical Package for Social Science* (SPSS) digunakan untuk menganalisis data yang dikumpulkan daripada soal selidik. Data demografi bagi sampel kajian dari segi umur, kaum, tahap pendidikan tertinggi dan pendapatan telah dianalisis untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan.

Bagi objektif pertama, kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai dilihat untuk mengenal pasti tahap tekanan keibubapaan ibu. SPSS digunakan untuk memperoleh kekerapan dan peratusan berdasarkan jawapan sampel kajian bagi setiap item PSS dalam soal selidik. Seterusnya, min keseluruhan (*M*) dan sisihan piawai (*SP*) bagi kedua-dua konstruk tekanan keibubapaan ibu dianalisis. Kemudian, berdasarkan formula *Equal Interval* oleh Irianto (2007), skor min bagi kedua-dua konstruk diinterpretasikan. Jadual 4 menunjukkan interpretasi tahap tekanan keibubapaan kepada tiga tahap, iaitu rendah, sederhana dan tinggi mengikut skor min berdasarkan formula tersebut. Akhir sekali, jadual dibina untuk mempersembahkan min, sisihan piawai dan interpretasi skor min bagi tahap tekanan keibubapaan ibu berdasarkan konstruk.

Jadual 4 Interpretasi skor min

Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana
3.01 hingga 4.00	Tinggi

Sumber: Irianto (2007)

Seterusnya, bagi objektif kedua, ujian bukan parametrik Kruskal Wallis digunakan untuk melihat perbezaan antara tekanan keibubapaan ibu berdasarkan pendidikan ibu. Menurut Harris (1994), sekiranya andaian bagi semua kumpulan mempunyai serakan yang bersifat homogen tidak tercapai, maka ujian bukan parametrik perlu digunakan

untuk menggantikan ujian ANOVA sehalu. Akhir sekali, bagi objektif ketiga, ANOVA digunakan untuk mengenal pasti perbezaan antara tekanan keibubapaan ibu berdasarkan pendapatan ibu. Jadual 5 menunjukkan cara analisis data yang digunakan bagi menjawab ketiga-tiga persoalan kajian.

Jadual 5 Kaedah Statistik yang digunakan

Objektif Kajian	Analisis
Tahap tekanan keibubapaan	Kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai
Perbezaan tahap tekanan keibubapaan ibu berdasarkan tahap pendidikan ibu	Ujian Kruskal Wallis
Perbezaan tahap tekanan keibubapaan ibu berdasarkan pendapatan ibu	ANOVA

DAPATAN KAJIAN

TAHAP TEKINAN KEIBUBAPAAN IBU

Jadual 6 menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi item dalam konstruk stres keibubapaan berdasarkan jawapan sampel kajian. Item-item dalam konstruk ini merupakan item negatif. Nilai jawapan yang semakin tinggi mewakili tekanan keibubapaan ibu yang semakin tinggi. Berdasarkan Jadual 6, antara kesemua item, item 3 merupakan item yang mempunyai paling ramai sampel kajian yang memilih jawapan 4. Seramai 278 orang (52%) yang “sangat setuju” bahawa mereka perlu meluangkan masa dan tenaga yang lebih banyak daripada apa yang sepatutnya dalam menjaga anak mereka. Selain itu, dapat dilihat bahawa antara 10 item, paling kurang sampel kajian, iaitu hanya tujuh orang (1.3%) yang memilih jawapan 1, iaitu “sangat tidak setuju” bagi item 3. Diikuti dengan item 4, majoriti daripada sampel kajian, iaitu 238 (44.5%) memilih jawapan 4, iaitu “sangat setuju” bahawa kadang-kala mereka bimbang sama ada perkara yang mereka lakukan untuk anak adalah mencukupi. Manakala hanya 15 orang (2.8%) memilih jawapan 1, iaitu “sangat setuju” bagi item ini.

Bagi item 9, majoriti daripada sampel kajian memilih jawapan 2. Seramai 158 (29.5%) ibu “tidak setuju” bahawa

anak merupakan punca tekanan utama dalam kehidupan mereka ialah anak. Bagi item 10, majoriti daripada sampel kajian memilih jawapan 3, iaitu terdapat 184 (34.4%) ibu “setuju” bahawa mempunyai anak menyebabkan mereka kekurangan masa dan fleksibiliti dalam kehidupan mereka. Bagi item 11, majoriti daripada sampel kajian memilih jawapan 1, iaitu terdapat 202 (37.8%) ibu “sangat tidak setuju” bahawa anak merupakan beban kewangan bagi mereka. Bagi item 12 pula, majoriti daripada sampel kajian memilih jawapan 2. Terdapat 170 ibu (31.8%) “tidak setuju” bahawa mereka berasa sukar untuk mengimbangkan pelbagai tanggungjawab yang berbeza kerana anak.

Manakala bagi item 13, 14, 15 dan 16, majoriti daripada sampel kajian memilih jawapan 1, iaitu “sangat tidak setuju”. Bagi item 13, 291 (54.4%) ibu “sangat tidak setuju” bahawa tingkah laku anak mereka sering memalukan mereka atau memberikan tekanan kepada mereka. Bagi item 14 pula, terdapat 377 (70.5%) ibu “sangat tidak setuju” bahawa sekiranya mereka diberikan peluang sekali lagi, mereka mungkin akan memutuskan untuk tidak melahirkan anak. Bagi item 15, terdapat 246 (46%) ibu “sangat tidak setuju” bahawa mereka berasa terbeban dengan tanggungjawab sebagai ibu. Akhir sekali, bagi item 16, terdapat 241 (45%) ibu “sangat tidak setuju” bahawa anak mereka menyebabkan mereka mengalami kesukaran untuk membuat pilihan dan mengawal kehidupan.

Jadual 6 Kekerapan dan peratusan bagi item dalam konstruk stres keibubapaan PSS

Item	1	2	3	4
3. Saya perlu meluangkan masa dan tenaga yang lebih banyak daripada apa yang sepatutnya dalam menjaga anak saya.	7 (1.3)	47 (8.8)	203 (37.9)	278 (52.0)
4. Kadang-kala saya bimbang sama ada perkara yang saya lakukan untuk anak saya adalah mencukupi.	15 (2.8)	65 (12.1)	217 (40.6)	238 (44.5)
9. Punca tekanan utama dalam kehidupan saya ialah anak saya.	126 (23.6)	158 (29.5)	147 (27.5)	104 (19.4)
10. Mempunyai anak menyebabkan saya kekurangan masa dan fleksibiliti dalam kehidupan saya.	93 (17.4)	128 (23.9)	184 (34.4)	130 (24.3)
11. Anak saya merupakan beban kewangan bagi saya.	202 (37.8)	163 (30.5)	122 (22.8)	48 (9.0)
12. Saya berasa sukar untuk mengimbangkan pelbagai tanggungjawab yang berbeza kerana anak saya.	132 (24.7)	170 (31.8)	168 (31.4)	65 (12.1)
13. Tingkah laku anak saya sering memalukan saya atau memberikan tekanan kepada saya.	291 (54.4)	155 (29.0)	62 (11.6)	27 (5.0)
14. Sekiranya saya diberikan peluang sekali lagi, saya mungkin akan memutuskan untuk tidak melahirkan anak.	377 (70.5)	96 (17.9)	41 (7.7)	21 (3.9)
15. Saya berasa terbeban dengan tanggungjawab sebagai ibu.	246 (46.0)	132 (24.7)	112 (20.9)	45 (8.4)
16. Anak saya menyebabkan saya mengalami kesukaran untuk membuat pilihan dan mengawal kehidupan saya.	241 (45.0)	170 (31.8)	95 (17.8)	29 (5.4)

Jadual 7 menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi item dalam konstruk kepuasan keibubapaan berdasarkan jawapan sampel kajian. Item-item dalam konstruk ini merupakan item positif. Nilai jawapan yang semakin rendah mewakili tekanan keibubapaan ibu yang semakin tinggi.

Berdasarkan jadual 7, dapat dilihat bahawa majoriti daripada sampel kajian telah memilih jawapan 4, iaitu “sangat setuju” bagi kelapan-lapan item dalam konstruk ini. Antara lapan item, item 7 mendapat kekerapan yang paling tinggi bagi jawapan 4, iaitu seramai 426 orang (79.6%) “sangat setuju” bahawa kasih sayang daripada anak penting bagi mereka. Diikuti dengan item 5 yang mendapat seramai 402 orang (75.1%) “sangat setuju” bahawa anak mereka rapat dengan mereka.

Bagi item 1, terdapat 308 (57.6%) ibu “sangat setuju” bahawa mereka gembira dengan peranan mereka sebagai ibu. Bagi item 2 pula, terdapat 322 (60.2%) ibu “sangat setuju” bahawa mereka sanggup membuat hampir semua perkara untuk anak sekiranya mempunyai keperluan. Seterusnya, bagi item 6, seramai 335 (62.6%) ibu “sangat setuju” bahawa mereka suka meluangkan masa bersama dengan anak mereka. Bagi item 8, seramai 319 (59.6%) ibu “sangat setuju” bahawa anak mereka membolehkan mereka yakin dan optimis terhadap masa depan. Untuk item 17, seramai 328 (61.3%) ibu “sangat setuju” bahawa mereka berpuas hati sebagai ibu. Akhir sekali, untuk item 18, seramai 400 (74.8%) ibu “sangat setuju” bahawa anak mereka mengembirakan mereka.

Jadual 7 Kekerapan dan peratusan bagi item dalam konstruk kepuasan keibubapaan PSS

Item	1	2	3	4
1. Saya gembira dengan peranan saya sebagai ibu.	2 (0.4)	16 (3.0)	209 (39.1)	308 (57.6)
2. Saya sanggup membuat hampir semua perkara untuk anak saya sekiranya mempunyai keperluan.	3 (0.6)	24 (4.5)	186 (34.8)	322 (60.2)
5. Saya rapat dengan anak saya.	1 (0.2)	6 (1.1)	126 (23.6)	402 (75.1)
6. Saya suka meluangkan masa bersama dengan anak saya.	1 (0.2)	12 (2.2)	187 (35.0)	335 (62.6)
7. Kasih sayang daripada anak saya penting bagi saya.	1 (0.2)	4 (0.7)	104 (19.4)	426 (79.6)
8. Anak saya membolehkan saya yakin dan optimis terhadap masa depan saya.	3 (0.6)	23 (4.3)	190 (35.5)	319 (59.6)
17. Saya berpuas hati sebagai ibu.	4 (0.7)	19 (3.6)	184 (34.4)	328 (61.3)
18. Saya mendapati anak saya mengembirakan saya.	1 (0.2)	6 (1.1)	128 (23.9)	400 (74.8)

Berdasarkan Jadual 8, tekanan keibubapaan ibu dari segi konstruk stres keibubapaan ibu adalah sederhana ($M = 2.30$, $SP = 0.63$). Tekanan keibubapaan dari segi konstruk

kepuasan keibubapaan pula adalah rendah ($M = 1.37$; $SP = 0.39$). Secara keseluruhannya, ibu mempunyai tahap tekanan keibubapaan yang rendah ($M = 1.90$, $SP = 0.42$).

Jadual 8 Min keseluruhan, sisihan piawai dan interpretasi skor min bagi tahap tekanan keibubapaan ibu

Konstruk	Min	Sisihan piawai	Interpretasi skor min
Stres keibubapaan (Item negatif)	2.30	0.63	Sederhana
Kepuasan keibubapaan (Item positif)	1.37	0.39	Rendah
Keseluruhan	1.90	0.42	Rendah

TAHAP TEKANAN KEIBUBAPAAN IBU BERDASARKAN TAHAP PENDIDIKAN IBU

Ujian Kruskal-Wallis telah digunakan untuk mengenal pasti perbezaan antara tahap tekanan keibubapaan ibu berdasarkan tahap pendidikan ibu, iaitu sekolah rendah atau sekolah menengah ($Mean Rank = 266.13$, $N = 71$), Diploma atau STPM ($Mean Rank = 257.79$, $N = 80$), Ijazah Sarjana Muda

($Mean Rank = 271.79$, $N = 341$) dan Ijazah Sarjana atau Ijazah Falsafah Doktor ($Mean Rank = 260.00$, $N = 43$).

Jadual 9 menunjukkan keputusan ujian Kruskal-Wallis atas perbezaan tahap tekanan keibubapaan ibu berdasarkan tahap pendidikan ibu. Berdasarkan Jadual 9, tiada perbezaan yang signifikan antara tahap tekanan keibubapaan ibu berdasarkan tahap pendidikan ibu ($H(3) = .681$, $p = .878$). Maka, Hipotesis Nul diterima.

Jadual 9 Hasil ujian Kruskal Wallis

Kruskal-Wallis <i>H</i>	df	Asymp. Sig.
.681	3	.878

a. Ujian Kruskal Wallis

b. Pembolehubah Tidak Bersandar: Tahap Pendidikan Ibu

TAHAP TEKANAN KEIBUBAAPAN IBU BERDASARKAN PENDAPATAN IBU

Ujian ANOVA telah digunakan untuk mengenal pasti perbezaan antara tahap tekanan keibubapaan ibu berdasarkan pendapatan ibu, iaitu kumpulan RM 3000 dan ke bawah ($M = 1.87, SP = 0.416$), kumpulan RM 3001 hingga 5000 ($M = 1.91, SP = 0.419$) dan kumpulan RM 5001 dan ke atas ($M = 1.90, SP = 0.423$). Jadual 10 menunjukkan hasil ujian ANOVA atas tahap tekanan keibubapaan ibu berdasarkan pendapatan ibu. Hasil menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara tahap tekanan keibubapaan ibu berdasarkan pendapatan ibu [$F(2, 507) = .335, p = .716$]. Hipotesis nul diterima.

= 1.91, $SP = 0.419$) dan kumpulan RM 5001 dan ke atas ($M = 1.90, SP = 0.423$). Jadual 10 menunjukkan hasil ujian ANOVA atas tahap tekanan keibubapaan ibu berdasarkan pendapatan ibu. Hasil menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara tahap tekanan keibubapaan ibu berdasarkan pendapatan ibu [$F(2, 507) = .335, p = .716$]. Hipotesis nul diterima.

Jadual 10 Hasil ujian ANOVA atas tahap tekanan keibubapaan ibu berdasarkan pendapatan ibu

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Antara kumpulan (<i>Between groups</i>)	.118	2	.059	.335	.716
Dalam kumpulan (<i>Within Groups</i>)	89.465	507	.176		
Jumlah	89.583	509			

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan tekanan keibubapaan ibu dari segi konstruk “stres keibubapaan ibu” adalah sederhana. Manakala tekanan keibubapaan dari segi konstruk “kepuasan keibubapaan” bagi golongan ibu adalah rendah. Secara keseluruhannya, tahap tekanan keibubapaan dalam kalangan ibu di Malaysia adalah rendah. Dapatan kajian ini adalah berbeza dengan dapatan kajian lepas yang membuktikan ibu mengalami tekanan keibubapaan yang tinggi berbanding dengan bapa (Edhborg et al. 2015; Musick et al. 2016; Khan 2014). Walau bagaimanapun, kajian ini tidak membandingkan tekanan keibubapaan antara ibu dan bapa seperti kajian-kajian lepas. Oleh itu, kajian ini tidak dapat membuktikan tekanan keibubapaan ibu adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan bapa.

Dapatan ini dapat menunjukkan golongan ibu di Malaysia tidak dilihat sebagai penjaga atau pengasuh anak yang utama dalam keluarga mereka. Namun, dapatan kajian ini turut bertentangan dengan kajian-kajian lepas di luar negara dan juga di Malaysia. Berdasarkan kajian-kajian lepas, ibu mengalami tekanan keibubapaan yang tinggi kerana masyarakat mempunyai persepsi bahawa ibu merupakan pengasuh anak utama dalam keluarga dan juga harus mendahulukan keperluan anak daripada keperluan sendiri walaupun ramai daripada mereka juga merupakan pencari rezeki (Christler 2013; Killing-Bunga et al. 2016; Newman & Henderson 2014). Selain itu, kajian lepas di Malaysia juga mendapati masyarakat Malaysia berpandangan bahawa segala tanggungjawab yang berkaitan dengan anak harus dipikul oleh ibu (Lu et al. 2015).

Golongan ibu di Malaysia mengalami tekanan keibubapaan yang rendah dalam hal keibubapaan. Hal ini kemungkinan kerana tahap penglibatan bapa terhadap anak adalah tinggi, di mana ibu dan bapa kini bekerjasama dalam segala tanggungjawab berkaitan dengan anak. Menurut Durtschi, Soloski dan Kimmes (2017), sokongan dan kerjasama bapa dalam hal-hal berkaitan dengan anak dapat mengurangkan tekanan keibubapaan ibu secara berkesan. Selain itu, tekanan keibubapaan yang rendah juga kemungkinan kerana para ibu, terutamanya ibu yang bekerja mendapat sokongan dan bantuan daripada ahli keluarga. Menurut Yeo dan Teo (2013), datuk dan nenek lazimnya akan membantu ibu yang bekerja untuk menjaga anak dan hal ini secara langsung dapat mengurangkan tekanan keibubapaan ibu. Nam et al. (2015) juga menyatakan sokongan sosial yang mencukupi juga amat penting untuk mengurangkan tekanan keibubapaan ibu.

Selain itu, budaya masyarakat Cina adalah menghormati nasihat orang tua dalam perkara pengasuhan anak (Lee & Brann 2015). Oleh itu, kebanyakan masyarakat Cina masih bergantung pada datuk dan nenek untuk menjaga cucu ketika waktu kerja ibu bapa. Hal ini selari dengan kajian Yeo dan Teo (2013) di Malaysia yang juga mendapati ibu yang perlu bekerja biasanya meminta bantuan datuk dan nenek untuk menjaga anak mereka ketika waktu kerja. Memandangkan sebahagian besar ibu daripada kajian ini adalah berbangsa Cina, maka dapat dikatakan bahawa majoriti golongan ibu dalam kajian ini kemungkinan memperoleh sokongan yang tinggi daripada ahli keluarga dalam pengasuhan anak. Oleh itu, tahap tekanan keibubapaan ibu dalam kajian ini adalah rendah secara keseluruhannya.

Kajian-kajian juga menyatakan sokongan sosial yang mencukupi daripada ahli keluarga dan kawan dapat membantu mengurangkan tekanan keibubapaan ibu (Zhang 2020; Nam et al. 2015; Nagy, Moore, Silveira, Meaney, Levitan & Dubé 2020).

Tambahan pula, menurut Benedetto dan Ingrassia (2017), efikasi sendiri yang tinggi dalam kalangan ibu adalah sangat penting. Hal ini demikian kerana ibu yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi akan mengamalkan minda dan sikap yang positif dalam menguruskan segala hal keibubapaan. Manakala ibu yang mempunyai efikasi sendiri yang rendah akan mengamalkan sikap yang negatif sehingga mengalami masalah dalam menguruskan tekanan keibubapaan mereka. Selari dengan kajian ini, Law, Dimmock, Guelfi, Nguyen, Gucciardi dan Jackson (2019) juga menyatakan tahap keibubapaan ibu yang tinggi adalah dipengaruhi oleh tahap efikasi sendiri ibu yang rendah. Cohen, Holloway, Domínguez-Pareto dan Kuppermann (2015) pula menyatakan sokongan emosi daripada ahli keluarga dapat mempengaruhi efikasi sendiri ibu secara positif. Oleh itu, kajian ini dapat menggambarkan golongan ibu kemungkinan memperoleh sokongan emosi yang tinggi daripada ahli keluarga mereka. Jadi, sokongan emosi daripada ahli keluarga dapat meningkatkan efikasi sendiri ibu dan pada masa yang sama juga menurunkan tekanan keibubapaan mereka.

Di samping itu, usia kanak-kanak juga merupakan faktor yang dapat mempengaruhi tekanan keibubapaan ibu. Dalam kajian ini, ibu yang diambil sebagai sampel kajian adalah golongan ibu yang memiliki anak berusia dua hingga lapan tahun. Menurut Berryhill dan Durtschi (2017), tekanan keibubapaan ibu semakin meningkat ketika anak berumur setahun hingga tiga tahun, manakala tekanan keibubapaan semakin menurun ketika anak berumur tiga hingga lima tahun. Oleh itu, usia kanak-kanak dalam lingkungan dua hingga lapan kemungkinan menjadi faktor yang mempengaruhi tekanan keibubapaan dalam kalangan ibu. Tekanan keibubapaan ibu mula menunjukkan penurunan apabila anak berumur tiga tahun.

Selain usia kanak-kanak, usia ibu dalam kajian ini juga boleh menjadi faktor kepada tekanan keibubapaan ibu yang rendah. Kajian-kajian lepas telah membuktikan usia ibu yang terlalu muda boleh menyebabkan tekanan keibubapaan ibu yang lebih tinggi (Chung et al. 2020; Xu et al. 2018). Dalam kajian ini, sebilangan besar daripada ibu adalah dalam usia 31 hingga 40 tahun. Oleh itu, usia ibu dalam kajian ini kemungkinan merupakan faktor yang menyebabkan golongan ibu ini mempunyai tekanan keibubapaan yang lebih rendah kerana mereka lebih berkemahiran dan lebih matang untuk menyesuaikan diri dalam hal-hal keibubapaan.

Seterusnya, dapatan menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan tahap tekanan keibubapaan ibu berdasarkan

tahap pendidikan ibu. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian Tamo (2020). Selain itu, menurut Deckard et al. (2013), semua ibu bapa mengalami tekanan keibubapaan yang sama tanpa mengira tahap pendidikan mereka. Menurut Parkes et al. (2013), ibu yang berpendidikan tinggi menghadapi tekanan keibubapaan dari segi penjagaan anak kerana mereka lazimnya perlu bekerja. Bagi ibu berpendidikan rendah pula, mereka perlu mengalami tekanan keibubapaan dari segi sokongan kewangan dan emosi. Oleh itu, ibu yang memiliki tahap pendidikan yang berbeza mempunyai sumber tekanan keibubapaan yang berbeza. Maka, hal ini dapat menjelaskan dapatan bahawa tiada perbezaan antara tekanan keibubapaan ibu berdasarkan tahap pendidikan ibu.

Walau bagaimanapun, dapatan ini berbeza dengan kajian Plaza et al. (2017) yang menyatakan ibu yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi mengalami tahap tekanan keibubapaan yang lebih rendah. Hal ini demikian kerana ibu berpendidikan tinggi lebih cekap dan mempunyai kemahiran yang lebih tinggi dalam strategi menguruskan tingkah laku anak. Maka, hal ini dapat mengurangkan tekanan keibubapaan mereka. Selain itu, dapatan ini juga berbeza dengan kajian Dian Yunita et al. (2015) yang membuktikan tahap tekanan keibubapaan ibu mempunyai hubungan signifikan dengan tahap pendidikan ibu.

Akhir sekali, kajian ini mendapati tiada perbezaan yang signifikan bagi tahap tekanan keibubapaan ibu berdasarkan pendapatan mereka. Dapatan ini konsisten dengan dapatan Deckard et al. (2013) yang menyatakan ibu bapa mengalami tekanan keibubapaan yang sama tanpa mengira pendapatan mereka. Namun, dapatan ini turut berbeza dengan kajian-kajian lepas yang membuktikan faktor pendapatan boleh mempengaruhi tekanan keibubapaan ibu (Dian Yunita et al. 2015; Zhang et al. 2015; Nagy et al. 2020). Hal ini kemungkinan berkaitan dengan budaya masyarakat di Malaysia. Di negara kita, walaupun ibu mula memainkan peranan untuk mencari rezeki, namun bapa masih dilihat sebagai pencari rezeki utama dalam keluarga. Menurut Roslina, Nurhidayah dan Mohd Na'im (2017), masyarakat Malaysia berpendapat bahawa bapa merupakan orang yang memikul tanggungjawab utama dalam mencari nafkah bagi keluarga mereka. Oleh itu, perbelanjaan sesuatu keluarga lazimnya bergantung pada pendapatan bapa. Maka, budaya ini kemungkinan menyebabkan tiada perbezaan antara tahap tekanan keibubapaan ibu berdasarkan pendapatan ibu.

Kajian Hsiao (2018) mendapati pendapatan merupakan faktor yang penting dalam mempengaruhi tekanan keibubapaan bagi ibu kepada kanak-kanak istimewa. Hal ini demikian kerana kanak-kanak istimewa memerlukan sokongan kewangan yang lebih daripada kanak-kanak tipikal. Namun, kajian ini mengkaji tahap tekanan keibubapaan ibu berdasarkan pendapatan mereka tanpa mengira sama ada anak mereka merupakan kanak-kanak

tipikal atau kanak-kanak istimewa. Oleh itu, kemungkinan majoriti daripada ibu dalam kajian ini ialah ibu kepada kanak-kanak tipikal, jadi tiada perbezaan yang signifikan antara tahap tekanan keibubapaan ibu berdasarkan pendapatan mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini telah mengenal pasti tahap tekanan keibubapaan dalam kalangan ibu di seluruh Malaysia. Kajian ini juga telah mengenal pasti perbezaan tahap tekanan keibubapaan ibu berdasarkan tahap pendidikan dan pendapatan ibu. Melalui dapatan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa para ibu di Malaysia mengalami tekanan keibubapaan yang rendah. Dapatan ini dapat menggambarkan ibu di Malaysia tidak menghadapi ketidakadilan dan ketidakseimbangan dalam menjalankan tugas mereka sebagai ibu. Mereka dapat memperoleh kepuasan yang tinggi dalam peranan mereka sebagai ibu. Dapatan ini juga menggambarkan para ibu sentiasa mendapat sokongan daripada ahli keluarga dalam tanggungjawab keibubapaan. Selain itu, kajian ini juga mendapati tekanan keibubapaan ibu juga tidak dipengaruhi oleh tahap pendidikan dan pendapatan mereka.

Dari segi sumbangan ilmu, kajian ini dapat memberi pengetahuan kepada golongan ibu agar dapat menguruskan tekanan keibubapaan mereka dengan lebih berkesan. Melalui kajian ini, para ibu dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam mengenai punca tekanan keibubapaan mereka. Selain itu, kajian ini juga memberi ilmu kepada para ibu bahawa tekanan keibubapaan ibu dapat dikurangkan melalui kerjasama dan sokongan pasangan dan juga ahli keluarga. Seterusnya, melalui kajian ini, masyarakat dapat memperoleh pengetahuan bahawa tanggungjawab berkaitan dengan pengasuhan anak bukannya seharusnya fokus kepada ibu sahaja.

Dari segi sumbangan praktis, kajian ini dapat memberi kesedaran kepada pihak-pihak berkaitan agar dapat memberi sokongan dari segi psikososial dan kewangan kepada ibu, terutamanya ibu tunggal bagi mengurangkan tekanan keibubapaan mereka. Selain itu, info-info yang berkaitan dengan cara menanangi stres keibubapaan boleh disampaikan oleh pihak kerajaan kepada masyarakat, terutamanya golongan ibu untuk membantu mereka menguruskan tekanan keibubapaan secara lebih baik dan berkesan.

Namun, kajian ini mempunyai beberapa limitasi, iaitu sebahagian besar daripada sampel kajian adalah berbangsa Cina. Oleh itu, kajian ini mungkin tidak dapat mewakili seluruh ibu di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga mungkin mengabaikan para ibu dari kawasan pedalaman, tidak berpendidikan dan berpendapatan rendah. Hal ini demikian kerana kelemahan soal selidik adalah tidak dapat melibatkan

sampel kajian yang tinggal di kawasan pedalaman, berpendapatan rendah dan tidak berpendidikan kerana mereka berkemungkinan tidak mempunyai kemudahan Internet dan tidak mahir dalam menggunakan perlatan teknologi (Neuman 2014).

Kesimpulannya, tahap tekanan keibubapaan dalam kalangan ibu harus sentiasa diberikan perhatian oleh masyarakat. Hal ini demikian kerana masyarakat sering meletakkan harapan yang tinggi terhadap ibu dan hal ini boleh menyebabkan tekanan keibubapaan yang tinggi bagi mereka, terutamanya bagi mereka yang perlu menjaga anak dan pada masa yang sama perlu bekerja. Walau bagaimanapun, tekanan keibubapaan bapa juga tidak harus diabaikan. Seiring dengan perubahan zaman, bapa kini bukan sahaja pencari rezeki, malah mereka juga mula memikul tugas-tugas yang berkaitan dengan hal rumah tangga. Oleh itu, tekanan keibubapaan bagi kedua-dua ibu dan bapa harus diberikan perhatian tanpa mengabaikan mana-mana pihak. Sesungguhnya, kerjasama dan sokongan daripada pasangan merupakan kunci utama dalam mengurangkan tekanan keibubapaan. Sekiranya ibu dan bapa sentiasa saling memahami dan membantu dalam segala tanggungjawab rumah tangga, sudah tentu tekanan keibubapaan dapat ditangani dengan lebih baik. Dengan itu, persekitaran kekeluargaan yang lebih sempurna dan lebih berkualiti dapat dibekalkan kepada kanak-kanak.

RUJUKAN

- Aizer, A., Stroud, L. & Buka, S. 2016. Maternal stress and child outcomes: Evidence from siblings. *Journal of Human Resources* 51(3): 523-555. doi:10.3386/w18422
- Ary, D., Jacobs, L. C. & Sorensen, C. 2010. *Introduction to Research in Education* (8th ed). California: Wadsworth.
- Azizan Zainuddin, Kartini Khalid & Aboo Talib. 2018. Konsep mengarusperanakan gender: kajian wanita dalam pekerjaan di Malaysia. *Journal of Administrative Science* 15(1): 2-10.
- Bandura, A. 1997. *Self efficacy*. San Francisco: WH Freeman.
- Barroso, N. E., Mendez, L., Graziano, P. A. & Bagner, D. M. 2018. Parenting stress through the lens of different clinical groups: a systematic review & meta-analysis. *J. Abnorm. Child Psychol* 46: 449–461. doi: 10.1007/s10802-017-0313-6
- Benedetto, L. & Ingrassia, M. 2017. Parental self-efficacy in promoting children care and parenting quality. *Parenting-Empirical Advances and Intervention Resources*.
- Berry, J. O. & Jones, W. H. 1995. The parental stress scale: Initial psychometric evidence. *Journal of Social and Personal Relationships* 12: 463–472.

- Berryhill, M. B. & Durtschi, J. A. 2017. Understanding single mothers' parenting stress trajectories. *Marriage & Family Review* 53(3): 227-245. doi: 10.1080/01494929.2016.1204406
- Borelli, J. L., Nelson, S. K., River, L. M., Birken, S. A. & Moss-Racusin, C. 2017. Gender differences in work-family guilt in parents of young children. *Sex Roles* 76: 356–368. doi: 10.1007/s11199-016-0579-0
- Bronfenbrenner, U. & Evans, G. W. 2006. Developmental science in the 21st century: Emerging questions, theoretical models, research designs and empirical findings. *Social Development* 9: 115-125.
- Christler, J. 2013. Womanhood is not as easy as it seems: femininity requires both achievement and restraint. *Psychol. Men Masc.* 14: 117–120. doi: 10.1037/a0031005
- Chung, G., Lanier, P. & Wong, P. Y. J. 2020. Mediating effects of parental stress on harsh parenting and parent-child relationship during coronavirus (covid-19) pandemic in Singapore. *Journal of Family Violence*. doi: 10.1007/s10896-020-00200-1
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. 2001. *Research Methods in Education* (5th ed.). Oxford: Routledge Falmer Publisher.
- Cohen, S. R., Holloway, S. D., Dominguez-Pareto, I. & Kuppermann, M. 2015. Support and self-efficacy among Latino and White parents of children with ID. *American Journal on Intellectual And Developmental Disabilities* 120 (1): 16-31. doi:10.1352/1944-7558-120.1.16
- Craig, F., Operto, F. F., De Giacomo, A., Margari, L., Frolli, A. & Conson, M. 2016. Parenting stress among parents of children with neurodevelopmental disorders. *Psych. Res.* 242: 121–129. doi: 10.1016/j.psychres.2016.05.016
- de Brito, A. & Faro, A. 2017. Differences by gender, adaptation and validation of the Parental Stress Scale. *Revista Avaliação Psicológica* 16(1): 38-47.
- Deater-Deckard, K., Chen, N. & Mallah, E. S. 2013. Parenting stress. Oxford Bibliographies. doi: 10.1093/OBO/9780199828340-0142
- Deater-Deckard, K., Mengjiao, L. & Bell, M. A. 2016. Multifaceted emotion regulation, stress and affect in mothers of young children. *Cognition and Emotion* 30(3): 444–457. doi:10.1080/02699931.2015.1013087
- Dian Yunita Sari, Diah Krisnatuti & Lilik Noor Yulianti. 2015. Stres ibu dalam mengasuh anak pada keluarga dengan anak pertama berusia di bawah dua tahun. *Jur. Ilm. Kel. & Kons* 8(2): 80-87.
- Doris P. S. & Kaw, K. P. 2011. Peranan wanita dalam pasaran kerja fleksibel di Malaysia: Kajian kes di sektor perkhidmatan. *Prosiding PERKEM VI*, 2: 86-101.
- Durtschi, J. A., Soloski, K. L. & Kimmes, J. 2017. The dyadic effects of supportive coparenting and parental stress on relationship quality across the transition to parenthood. *Journal of Marital and Family Therapy*, 43(2): 308-321.
- Ethborg, M., Carlberg, M., Simon, F. & Lindberg, L. 2015. Waiting for better times: experiences in the first postpartum year by Swedish fathers with depressive symptoms. *Am J Mens Health* 4:1–12.
- Eo, Y. S. & Kim, J. S. 2017. Parenting stress and maternal-child interactions among preschool mothers from the Philippines, Korea, and Vietnam: A cross-sectional, comparative study. *Journal of Transcultural Nursing* 29(5): 449–456. doi:10.1177/1043659617747686
- Ha, T. & Granger, D. A. 2016. Family relations, stress, and vulnerability: Biobehavioral implications for prevention and practice. *Family Relations* 65(1): 9-23. doi: 10.1111/fare.12173
- Harmon, D. K. & Perry, A. R. 2011. Fathers' unaccounted contributions: paternal involvement and maternal stress. *Families in Society: The Journal of Contemporary Social Services* 92(2): 176–182. doi:10.1606/1044-3894.4101
- Harris, R. J. 1994. *ANOVA: An Analysis of Variance Primer*. Itasca, Ill.: Peacock.
- Hsiao, Yun-Ju. 2018. Autism Spectrum Disorders: Family Demographics, Parental Stress, and Family Quality of Life. *Journal of Policy and Practice in Intellectual Disabilities* 00 (00). doi:10.1111/jppi.12232
- Intan Hashimah Mohd Hashim, Azman Azwan Azmawati & Noraida Endut. 2015. Stress, roles and responsibilities of single mothers in Malaysia. *EDP Science* 18 (4). doi: 10.1051/shsconf/20151803003
- Irianto, A. 2007. *Statistik konsep dasar dan aplikasinya*. Jakarta: Penerbit Kencana.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. 2014. *Dasar Wanita Negara 1989*.
- Kerstis, B., Nohlert, E., Öhrvik, J. & Widarsson, M. 2016. Association between depressive symptoms and parental stress among mothers and fathers in early parenthood: A Swedish cohort study. *Upsala Journal of Medical Sciences* 121(1): 60–64. doi:10.3109/03009734.2016.1143540
- Khan, S. 2014. Stress in the parents of children with physical disability. *Journal of Pakistan Psychiatric Society* 13(2).
- Killing-Bunga, B.N., Kiling, I. Y. & Toomaszen, F. 2016. Persepsi ibu terhadap keterlibatan ayah dalam pengasuhan anak usia dini. *Intuisis Jurnal Ilmiah Psikologi* 8 (2): 1- 9.
- Lavrakas, P. 2008. *Encyclopedia of survey research methods* 1st edition. SAGE. Mohsen tavakol and reg dennick. Making sense of Cronbach's Alpha. *International Journal of Medical Education*. 2011 2:53-55.
- Law, K. H., Dimmock, J., Guelfi, K. J., Nguyen, T., Gucciardi, D. & Jackson, B. 2019. Stress, depressive symptoms, and maternal self-efficacy in first-time mothers: Modelling and predicting change across the first six months of motherhood. *Applied Psychology*:

- Health and Well-Being* 11(1): 126-147. doi:10.1111/aphw.12147
- Lee, A. & Brann, L. 2015. Influence of cultural beliefs on infant feeding, postpartum and childcare practices among Chinese-American mothers in New York city. *J Community Health* 40(3): 476-83. doi: 10.1007/s10900-014-9959-y.
- Lee, J. X., Ong, S. I., Lee, V. Y. & Fairuz Nazri. 2017. Parenting stress among Malaysian parents of children with Autism Spectrum Disorder (ASD). *Med & Health Jun 2017* 12(1): 42-55. doi: 10.17576/MH.2017.1201.06
- Louie, A. D., Cromer, L. D. & Berry, J. O. 2018. Assessing parenting stress: Review of the use and interpretation of the Parental Stress Scale. *The Family Journal* 25(4): 359-367. doi:10.1177/1066480717731347
- Lu, Luo, Cooper & Cary. 2015. *Handbook of Research in Work–Life Balance in Asia. Work–Life Balance Policies in Malaysia: Theory and Practice: 207–235.* doi:10.4337/9781783475094.00017
- Mazlina Mohamed, Lau, D. S. C., Loh, C., Syed Zulkifli Syed Zakaria, Hamidah Alias, A Rahman A Jamal & Zarina Abdul Latiff. 2017. Parenting stress in Malaysian parents of children with thalassaemia. *Malaysian Journal of Paediatrics and Child Health* 23 (1): 31-41.
- Mazzeschi, C., Pazzagli, C., Radi, G., Raspa, V. & Buratta, L. 2015. Antecedents of maternal parenting stress: the role of attachment style, prenatal attachment, and dyadic adjustment in first-time mothers. *Frontiers in Psychology*, 6: 1443. doi: 10.3389/fpsyg.2015.01443
- McQuillan, M. E. & Bates, J. E. 2017. Parental Stress and Child Temperament. In: *Parent Stress Early Child Dev. Cham.* Springer.
- Miranda, A., Mira, A., Berenguer, C., Rosello, B. & Baixauli, I. 2019. Parenting stress in mothers of children with autism without intellectual disability. Mediation of behavioral problems and coping strategies. *Frontiers in Psychology* 10. doi:10.3389/fpsyg.2019.00464
- Morgenroth, T. & Heilman, M. E. 2017. Should I stay or should I go? Implications of maternity leave choice for perceptions of working mothers. *J. Exp. Soc. Psychol.* 72: 53–56. doi: 10.1016/j.jesp.2017.04.008
- Musick, K., Meier, A. & Flood, S. 2016. How parents fare: Mothers' and fathers' subjective well-being in time with children. *American Sociological Review* 81(5): 1069-1095. doi:10.1177/0003122416663917
- Nadeem, M. Choudhary, F. R., Parveen, A. & Javaid, F. 2016. Parental stress among parents of children with and without disabilities. *Pakistan Journal of Social Sciences (PJSS)* 36 (2): 1281-1289.
- Nagy, E., Moore, S., Silveira, P. P., Meaney, M. J., Levitan, R. D. & Dubé, L. 2020. Low socioeconomic status, parental stress, depression, and the buffering role of network social capital in mothers. *Journal of Mental Health.* doi: 10.1080/09638237.2020.1793118
- Nam, Y., Wikoff, N. & Sherraden, M. 2015. Racial and ethnic differences in parenting stress: Evidence from a statewide sample of new mothers. *Journal of Child and Family Studies* 24: 278-288. doi:10.1007/s10826-013-9833-z
- Neuman, W. L. 2014. *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches (7th ed.)*. Essex: Pearson.
- Newman, H. D. & Henderson, A. C. 2014. The modern mystique: institutional mediation of hegemonic motherhood. *Sociol. Inq.* 84: 472–491. doi: 10.1111/soin.12037
- Nielsen, T., Pontoppidan, M. & Rayce, S. B. 2020. The Parental Stress Scale revisited: Rasch-based construct validity for Danish parents of children 2–18 years old with and without behavioral problems. *Health and Quality of Life Outcomes* 18(1). doi:10.1186/s12955-020-01495-w
- Nieuwesteeg, A., Hartman, E., Emons, W., van Bakel, H., Aanstoot, H.-J., van Mil, E & Pouwer, F. 2017. Paediatric parenting stress in fathers and mothers of young children with Type 1 diabetes: a longitudinal study. *Diabetic Medicine* 34(6): 821–827. doi:10.1111/dme.13300
- Noor Rahamah Abu Bakar. 2012. Wanita bekerja dan pengurusan keluarga. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 8(7): 155-162.
- Norizan & Shamsuddin. 2010. Predictors of parenting stress among Malaysian mothers of children with Down syndrome. *Journal of Intellectual Disability Research* 54(11): 992–1003. doi:10.1111/j.1365-2788.2010.01324.x
- Norsiah Uddin. 2010. Faktor penentu penyertaan wanita dalam pasaran buruh. *Prosiding Perkem* V,1: 28-38.
- Ornoz, B., Alonso-Arbiol, I., Balluerka, N. 2007. A Spanish adaptation of the parental stress scale. *Psicothema* 19: 687–692.
- Park, B., Banchevsky, S. & Reynolds, E. B. 2015. Psychological essentialism, gender, and parenthood: Physical transformation leads to heightened essentialist conceptions. *Journal of Personality and Social Psychology* 109(6): 949-967.
- Parkes, A., Sweeting, H. & Wight, D. 2013. Parenting growing up in scotland: Birth cohort 2. *Results from The First Year* (pp: 118–142). Edinburgh: Scottish Government.
- Plaza, J. C., Sevilla, M. D. G., Rico, G. M., Murillo, C. P. M. 2017. Parenting stress and coping strategies in mothers of children receiving early intervention services. *Journal of Child and Family Studies* 26(11): 3192–3202. doi:10.1007/s10826-017-0802-9
- Pontoppidan, M., Nielsen, T., Kristensen, I. H. 2018. Psychometric properties of the Danish Parental Stress Scale: Rasch analysis in a sample of mothers with infants. *PLoS One.* doi: 13:e0205662
- Rabiah Abdul Latiff, Wan Shahrazad Wan Sulaiman & Suzana Hoesni. 2013. Pengaruh tekanan keibubapaan

- terhadap kemurungan postpartum dalam kalangan wanita baru bersalin. *Journal of Psychology & Human Development* 1: 12 – 21.
- Roskam, I., Raes, M. & Mikolajczak, M. 2017. Exhausted parents: development and preliminary validation of the parental burnout inventory. *Front. Psychol.* 8:163. doi: 10.3389/fpsyg.2017.00163
- Roslina Che Soh, Nurhidayah Muhammad Hashim & Mohd Na'im Mokhtar. 2017. Bahagian sokongan keluarga membantu anak selepas perceraian: keberkesanan, cabaran dan perbandingan dengan amalan negara maju. *Jurnal KANUN* 2: 60 -89.
- Schytt, E., Hildingsson, I. 2011. Physical and emotional self-rated health among Swedish women and men during pregnancy and the first year of parenthood. *Sex Reprod Healthc* 2: 57–64.
- Shawler, P. M. & Sullivan, M. A. 2017. Parental stress, discipline strategies, and child behavior problems in families with young children with autism spectrum disorders. *Focus Autism Other Dev Disabl* 32:142–51.
- Sparks, T. A., Hunter, S. K., Backman, T. L., Morgan, G. A. & Ross, R. G. 2012. Maternal parenting stress and mothers' reports of their infants' mastery motivation. *Infant Behavior and Development* 35(1): 167-173. doi: 10.1016/j.infbeh.2011.07.002
- Tamo, A. R. T. 2020. An analysis of mother stress before and during COVID-19 pandemic: The case of China. *Health Care for Women International* 41 (11-12): 1349–1362. doi:10.1080/07399332.2020.1841194
- Tharner, A., Luijk, M. P., van IJzendoorn, M. H., Bakermans-Kranenburg, M. J., Jaddoe, V. W., Hofman, A., Verhulst, F. C. & Tiemeier, H. 2012. Infant attachment, parenting stress, and child emotional and behavioral problems at age 3 years. *Parenting* 12(4): 261-281. doi:10.1080/15295192.2012.709150
- United Nations. 2016. Economic empowerment. Diakses daripada www.unwomen.org/net/what-wedo/economicempowerment [1 Januari 2017].
- Wan Azizah Wan Ismail. 2019. Wanita bahagia, keluarga sejahtera. Teks Ucapan Perasmian Konvensyen Wanita Dan Keluarga Kebangsaan 2019.
- Williams, J. C., Berdahl, J. L. & Vandello, J. A. 2016. Beyond work-life integration. *Annu. Rev. Psychol.* 67: 515–539. doi: 10.1146/annurev-psych-122414-033710
- Xu, Y., Wang, X., Ahn, H. & Harrington, D. 2018. Predictors of non-US born mothers' parenting stress across early childhood in fragile families: A longitudinal analysis. *Children and Youth Services Review* 89: 62-70. doi:10.1016/j.chilyouth.2018.04.012
- Yeo, K. J. & Lu, X. 2012. Parenting stress and psychological distress among mothers of children with autism in Johor Bahru and Hangzhou. *Journal of Educational Psychology and Counseling* 6: 129-153.
- Yeo, K. J. & Teo, S. L. 2013. Child behavior and parenting stress between employed mothers and at home mothers of preschool children. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 90: 895 – 903.
- Zhang, S., Eamon, M. K. & Zhan, M. 2015. Neighborhood disorder, perceptions of neighborhood social capital, and maternal stress: Exploration of a mediating mechanism. *Journal of Community Psychology* 43(3): 278–295. doi:10.1002/jcop.
- Zhang, X. 2020. *Mothers' parenting stress in Chinese immigrant families: the role of fathers' involvement and social support*. Doctoral Thesis, University of North Texas.

Tee Yih Chiann
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Suziyani Mohamed
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Emel: suziyani@ukm.edu.my